

# Sekolah Wawasan

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa – Sekolah Wawasan, penempatan tiga sekolah berlainan aliran dalam satu kampus utama dan berkongsi kemudahan asas, bertujuan menggalakkan persefahaman kaum, akan diperluaskan ke seluruh negara.

Kesemua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini bersetuju dan menyokong pengwujudan sekolah itu dalam usaha memperkukuhkan hubungan rakyat berbilang kaum, sejak peringkat kanak-kanak lagi.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Moha-

BH 26 JUL 2000

“**Komponen BN menyokong pengwujudan sekolah pelbagai aliran di bawah satu bumbung bagi memperkukuh hubungan rakyat berbilang kaum, sejak peringkat kanak-kanak**”

– Datuk Seri Dr Mahathir

mad, berkata parti komponen khawatir dengan kegiatan pihak tertentu yang menyemai rasa kebencian sama ada pada peringkat tadika atau di sekolah dan universiti sekarang.

“Oleh itu, mereka bersetuju dengan konsep Seko-

lah Wawasan sebagai satu cara untuk merapatkan hubungan rakyat (pelbagai kaum) pada peringkat masih kecil,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini hari ini.

Projek Sekolah Wawa-

san sudah dimulakan di beberapa negeri, termasuk di Teluk Sengat, Johor. Bagaimanapun, ia tidak diperluaskan sebelum ini kerana masalah kos untuk membina sekolah baru.

Sekolah itu menempatkan tiga aliran pendidikan di bawah satu bumbung tetapi pentadbiran yang berlainan. Mereka berkongsi kemudahan asas yang sama manakala tenaga guru dari sekolah aliran tertentu boleh dikongsi dan kepakarannya dimanfaatkan oleh sekolah aliran lain.

Mengenai kerjasama pelajar berbilang kaum pada

## diperluas

peringkat universiti, Dr Mahathir berkata, “Ia membimbangkan kita kerana mereka tidak bergaul antara sesama kaum dan kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah ini”

Perdana Menteri berkata, adalah penting bagi rakyat berbilang kaum bersatu padu, merapatkan barisan dan mengadakan hubungan antara mereka seperti bersama-sama merayakan hari perayaan kaum yang berbeza.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu ketika mengulas perkara itu berkata, sekolah rendah jenis

kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah kebangsaan yang ditempatkan di kampus Sekolah Wawasan akan mengekalkan bahasa perantaraan masing-masing dan pentadbiran sekolah juga berasingan.

Ketika ini, katanya, 10 Sekolah Wawasan dalam pembinaan atau perancangan termasuk di Sitiawan membabitkan tapak seluas 2.8 hektar.

Beliau berkata, usaha itu perlu kerana kanak-kanak sekolah rendah Cina, Tamil dan kebangsaan sekarang hampir tidak ada interaksi antara satu sama lain, yang jika dibiarkan

hingga dewasa akan terus menjarakkan hubungan mereka.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata pembinaan Sekolah Wawasan boleh mengembalikan hubungan akrab rakyat berbilang kaum sejak dari kecil memandangkan wujud kecenderungan ibu bapa kini menghantar anak-anak ke tadika berasingan mengikut kaum atau agama.

“Langkah ini mampu meningkatkan perasaan saling mengenali budaya satu sama lain dan saling menghormati,” katanya.